

## GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

### 1. TUJUAN GERAN PENYELIDIKAN INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

Institut Sosial Malaysia (ISM) menawarkan Geran Institut Sosial Malaysia kepada institusi pengajian tinggi / institusi tempatan untuk menjalankan kajian dalam bidang Kemahiran Sosial. Hasil kajian akan digunakan oleh ISM untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia meningkatkan keberkesanan institusi-institusinya.

### 2. BIDANG-BIDANG KAJIAN

Bidang kajian yang dipelawa di bawah geran ini adalah seperti berikut :

#### 2.1 *Kajian Mengenai Penghuni Institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia: Sebab-sebab Kemasukan, Masalah Pengintegrasian Semula dan Persekitaran.*

### 3. KELAYAKAN PERMOHONAN

#### 3.1 Pemohon yang layak untuk menerima tawaran adalah:

- a. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ; atau
- b. Institusi tempatan.

#### 3.2 Pemohon dikehendaki mengemukakan kertas cadangan kajian yang meliputi skop, metodologi, limitasi, jangka masa dan kos kajian.

### 4. GERAN PENYELIDIKAN

Geran yang ditawarkan akan berasaskan kertas cadangan kajian yang dikemukakan.

#### 5. TEMPOH KAJIAN

Kajian hendaklah disempurnakan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh tawaran kajian.

#### 6. HAK PENERBITAN

Penyelidik dan personelnnya tidak boleh mendedahkan kepada umum apa-apa maklumat mengenai kajian seperti kenyataan akhbar, mencetak apa-apa bahan yang berkaitan dengan kajian dan sebagainya tanpa persetujuan bertulis dari Institut ini.

#### 7. PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN

Hasil kajian hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

#### 8. CARA PERMOHONAN

Permohonan geran penyelidikan yang mengandungi kertas cadangan kajian hendaklah dikemukakan kepada ISM tidak lewat daripada **21 September 2007** kepada alamat seperti berikut

***Pengarah  
Institut Sosial Malaysia  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Lot PT 13856, KM 6, Lebuhraya K.L – Seremban  
Sungai Besi  
57100 Kuala Lumpur.***

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Cik Rose Japelo, di talian 03-79873044 sambungan 1063 / e-mail : [rose@ism.gov.my](mailto:rose@ism.gov.my)

**TERMA RUJUKAN**  
**KAJIAN MENGENAI PENGHUNI INSTITUSI**  
**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA:**  
**SEBAB-SEBAB KEMASUKAN, MASALAH PENGINTIGRASIAN SEMULA**  
**DAN PERSEKITARAN**

**LATARBELAKANG**

1. Kanak-kanak merupakan sumber manusia yang paling bernilai dan aset kepada negara. Pada tahun 2005, dianggarkan terdapat 10 juta kanak-kanak yang berusia 0-18 tahun di negara ini. Jumlah ini meliputi 40% daripada keseluruhan jumlah penduduk negara yang dianggarkan berjumlah 26.1 juta pada tahun yang sama. Mereka sepatutnya menikmati hasil dari program pembangunan dan pemodenan negara yang pesat berlaku kini.
2. Namun akibat dari proses pembangunan dan pemodenan ini, struktur institusi kekeluargaan di negara ini semakin terganggu. Pelbagai perubahan berlaku dalam kehidupan sosial masyarakat dan akibatnya berlaku perubahan dan kelemahan dalam sistem kekeluargaan. Semua ahli di dalam keluarga akan merasai impak daripada perubahan yang berlaku di sekitar mereka. Malah akibat daripada perubahan dan kelemahan sistem kekeluargaan, golongan kanak-kanaklah yang mudah menjadi mangsa dan merupakan penerima utama daripada kesan-kesan tersebut.
3. Secara idealnya, seseorang kanak-kanak perlu membesar dalam sesebuah keluarga yang boleh melindungi dan memelihara kanak-kanak tersebut. Bagaimanapun, masih terdapat segelintir kanak-kanak yang tidak berpeluang menikmati hidup sedemikian disebabkan masalah tertentu. Sebilangan kecil kanak-kanak dibuang, diabai, didera dan

terlibat dengan jenayah. Bagi memelihara kesejahteraan golongan ini, institusi kebajikan perlu diwujudkan. Sehubungan dengan itu kerajaan telah menubuhkan Institusi Kanak-kanak bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini. Contohnya Rumah Kanak-Kanak (RKK) di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) untuk memberi perkhidmatan alternatif kepada mempertahankan kesejahteraan kanak-kanak seperti program jagaan, asuhan dan didikan.

4. Perkhidmatan jagaan dan perlindungan kanak-kanak di RKK bermula sejak tahun 1950an dan kini ditadbirkan oleh Bahagian Kanak-kanak, JKMM. Kanak-kanak adalah kumpulan sahsir Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang utama. Jabatan bertanggungjawab kepada kumpulan ini bagi memastikan kesejahteraan mereka terpelihara. Institusi kebajikan kanak-kanak diwujudkan bagi memberikan perlindungan, jagaan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang memerlukan. Terdapat 2 kategori institusi iaitu institusi bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan serta institusi bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.
5. Institusi kanak-kanak bagi pemulihan dan perlindungan diperuntukan bagi kes-kes kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah, kanak-kanak tidak terkawal, kanak-kanak yang terdedah kepada unsur pelacuran serta perlindungan segera bagi kanak-kanak yang dipaksa melacur dan mengandung luar nikah. Institusi ini memberikan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak agar tingkahlaku mereka sesuai dengan norma masyarakat dan peraturan serta seterusnya mengintegrasikan mereka semula ke dalam masyarakat. Sementara institusi kanak-kanak bagi pemeliharaan dan perlindungan adalah dikhususkan bagi kes-kes penderaan kanak-kanak dan kanak-kanak yang terbiar dan terdampar. Institusi ini menjamin jagaan gantian yang merangsangkan pertumbuhan

jasmani, mental dan emosi yang sihat bagi kanak-kanak dalam suasana yang tenteram dan selamat.

## OBJEKTIF KAJIAN

6. Kajian ini bertujuan untuk:
- i) Menyediakan Profil kanak-kanak di Institusi JKMM. Bagi tujuan ini perunding akan mengumpul data kanak-kanak di Institusi JKMM dari segi latar belakang, sebab kemasukan, hubungan kekeluargaan, gender, umur, pendidikan, pengintegrasian semula dan sebagainya bagi membentuk profil kanak-kanak di institusi kanak-kanak JKMM;
  - (ii) Meneliti semula program/aktiviti yang disediakan di institusi sama ada sesuai dengan keperluan semasa kanak-kanak dan membuat cadangan untuk meningkatkan dan mengembangkan program/aktiviti tersebut agar sesuai dengan perkembangan semasa;
  - (iii) Mengkaji dan meneliti kemudahan sedia ada di institusi sama ada bersesuaian dengan peringkat umur dan perkembangan kanak-kanak, mesra kanak-kanak dan membuat cadangan untuk penambahbaikan;
  - (iv) Mengkaji dan menganalisa persamaan dan perbezaan antara institusi JKMM;
  - (v) Mengenalpasti kesan kemudahan/pasarana dan persekitaran terhadap perkembangan/kesejahteraan kanak-kanak;
  - (vi) Menilai kesan program/aktiviti ke atas kemahiran sosialisasi/sahsiah kanak-kanak;

- (vii) Meneliti halangan-halangan terhadap pengintegrasian semula kanak-kanak ke dalam keluarga dan masyarakat dan mencadangkan program yang sesuai dan berkesan bagi mengatasi halangan tersebut;
- (viii) Meneliti peraturan dan amalan yang sedia ada dalam institusi dan membuat cadangan bagi membolehkan kanak-kanak mencapai perkembangan sosial dan kemahiran yang dikehendaki; dan
- (ix) Menilai sikap kakitangan dan mengenalpasti kualiti khas yang perlu ada pada kakitangan yang bertugas di institusi kanak-kanak bagi membolehkan perunding mengemukakan cadangan/panduan kepada Jabatan untuk mengenalpasti kakitangan yang sesuai ditempatkan di institusi.

## BIDANG KERJA

7. Juruperunding dikehendaki menjalankan kajian mengenai Penghuni Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia: Sebab-sebab Kemasukan, Masalah Pengintegrasian Semula dan Persekitaran dan mengemukakan laporan lengkap yang memenuhi, tetapi tidak terhad kepada objektif-objektif di perenggan 6 di atas,
8. Juruperunding juga dikehendaki menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan pengumpulan data/maklumat mengenai kajian ini termasuk perkara-perkara di perenggan 6 di atas serta bidang-bidang lain yang di fikirkan perlu dan relevan,
9. Juruperunding dikehendaki mengadakan bengkel serta perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan mengenai kajian ini,

10. Juruperunding dikehendaki mendapatkan maklumat serta meninjau keadaan penghuni di institusi serta mendapat pandangan mereka, dan,
11. Juruperunding dikehendaki mengemukakan cadangan atau strategi secara terperinci mengikut tempoh masanya.

### JANGKAAN HASIL KAJIAN

12. Setelah selesai menjalankan tugasnya, juruperunding dikehendaki mengemukakan laporan-laporan berikut:
  - a. Laporan Kajian Mengenai Penghuni Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* (Laporan ini hendaklah dalam bentuk yang jelas dan mudah difahami serta perlu dilengkapi dengan statistik dan gambar), dan
  - b. Laporan awal, laporan interim, draf laporan akhir dan laporan akhir kajian untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal dalam tempoh masa yang ditetapkan.

### METHODOLOGI DAN TEMPOH KAJIAN

13. Juruperunding perlu mengemukakan metodologi kajian yang sesuai bagi menjalankan kajian ini. Semua tugas yang disenaraikan dibawah Bidang Kerja dan Jangkaan Hasil Kajian di atas perlu disiapkan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pelantikan juruperunding. Disamping ini juruperunding dikehendaki mengemukakan jadual kerja berdasarkan bidang kerja dan tempoh masa yang ditetapkan.

### ANGGARAN KOS

14. Juruperunding dikehendaki menyediakan anggaran kos kajian dalam cadangan kewangan. Anggaran kos hendaklah mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

### KUMPULAN JURUPERUNDING

15. Kumpulan juruperunding dikehendaki terdiri daripada syarikat/firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang sosial, pembangunan sosial atau sosio ekonomi.

### TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PEMANDU DAN JAWATANKUASA TEKNIKAL

16. Sebuah Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Kementerian/agensi kerajaan akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan berfungsi sebagai badan yang menyelaras dan mengawal selia perjalanan kajian dari segi dasar dan kewangan.
17. Sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau Setiausaha Bahagian Perancangan dan Dasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Kementerian/agensi kerajaan yang berkaitan juga akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan berfungsi sebagai badan yang akan mengkaji, menyelaras dan memberi input dalam aspek teknikal.

18. Juruperunding adalah bertanggungjawab kepada kedua-dua Jawatankuasa ini.

**Pusat Pengajian Kemahiran Sosial  
Julai 2007**